

# Suruhanjaya Cobbold bawa penyatuan

B.H 14/9/07 M/S 13



Malaysiaku Gemilang

Rencana ini sumbangan  
Kementerian Pengajian Tinggi  
dan diselenggarakan oleh  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Prof Dr Nik Anuar Nik Mahmud

**A**PABILA membicarakan mengenai kemerdekaan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia, peranan Suruhanjaya Cobbold amat besar sekali.

Suruhanjaya ini ditubuhkan pada 17 Januari 1962 atas cadangan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang bertanggungjawab untuk meninjau pendapat penduduk di kedua-dua negeri itu mengenai gagasan Malaysia serta membuat perakuan bentuk negara Malaysia.

Berasaskan laporan dan cadangan suruhanjaya ini, Kerajaan British bersetuju membebaskan Sarawak dan Sabah daripada belunggu penjajahannya dan menyerai Malaysia. Sempena ulang tahun ke-44 penubuhan Malaysia Ahad ini, elok juga ditinjau semula peranan Suruhanjaya Cobbold dalam merealisasikan impian penduduk di Sarawak dan Sabah untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain dalam sebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat.

Sesungguhnya, kerajaan penjajah British tidak pernah merancang melepaskan kekuasaannya ke atas Sabah dan Sarawak pada 1963. Apabila Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membisik kepada Pesuruhjaya Tinggi British bagi Asia Tenggara, Sir Malcolm MacDonald, pada 1958 mengenai hasratnya menggabungkan tanah jajahan British di Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu, cadangan itu ditolak.

Penolakan itu, atas alasan tanah jajahan berkenaan masih mundur dan belum layak kemerdekaan, Tunku mahu melihat bukan saja Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, malah juga Brunei, Sabah dan Sarawak.

Kerajaan British pula mendesak Tunku supaya menerima percantuman Singapura

dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku bersetuju menerima Singapura dengan syarat Brunei, Sabah dan Sarawak juga dibawa bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Jika Singapura saja bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu, tegas Tunku, maka kedudukan orang Melayu di Tanah Melayu akan terancam dari segi bilangan penduduk. Singapura mempunyai 80 peratus penduduk bukan Melayu.

Kerajaan British tidak mempunyai pilihan. Demi menyelamatkan kepentingannya di Singapura, cadangan Tunku terpaksa diterima. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman mengumumkan hasratnya menubuhkan Melayu Raya menggabungkan Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 26 Jun 1961 Tunku mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri Britain ketika itu, Harold MacMillan mengenai gagasan Malaysia secara rasmi. Dalam jawapannya, MacMillan mengangap cadangan Tunku sebagai membina.

Pada Julai 1961, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia ditubuhkan untuk menjelaskan konsep Malaysia kepada penduduk di Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini dipengerusikan Donald Stephens.

Jawatankuasa ini mencadangkan penubuhan suruhanjaya dan ini dipersetujui Kerajaan British. Pada 17 Januari 1962, suruhanjaya itu yang dipengerusikan Lord Cobbold, bekas Gabenor Bank England, ditubuhkan.

Ahlinya terdiri daripada Datuk Wong Pow Nee dan Mohd Ghazali Shafie (kini Tun, bekas Menteri) yang dilantik Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston yang mewakili kerajaan British. Setiausaha Suruhanjaya ialah J H Harris.

Oleh kerana Lord Cobbold mengetuai suruhanjaya itu, maka ia dikenali Suruhanjaya Cobbold. Suruhanjaya Cobbold memulakan tugasnya pada 20 Februari sehinggalah pertengahan April 1962 dengan menemui lebih 4,000 orang serta menerima kira-kira 1,600 memorandum daripada orang perseorangan dan persatuan politik, agama kemasyarakatan dan kesatuan sekerja.

Dalam laporannya, Suruhanjaya menyatakan kira-kira 80 peratus penduduk di Sabah dan Sarawak menyokong Malaysia.

Kebanyakan yang menyokong terdiri daripada golongan Bumiputera, manakala 20 peratus, kebanyakannya bukan Bumiputera menentang rancangan Malaysia. Ada parti politik yang menyokong dan ada yang menentang.

Suruhanjaya itu menganggap bahawa nama Malaysia sebagai nama sesuai sekali bagi negara yang hendak ditubuhkan itu. Dalam soal penghijrahan, suruhanjaya bersetuju kerajaan Sabah dan Sarawak akan mempunyai kuasa untuk menentukan kemasukan orang luar.

Dalam beberapa aspek, ahli suruhanjaya berbeza pendapat. Dalam soal agama, ahli suruhanjaya yang dilantik oleh Kerajaan British bersetuju supaya soal agama diputuskan Majlis Mesyuarat Undangan Sarawak dan Sabah.

Ahli Suruhanjaya dari Persekutuan Tanah Melayu berasakan bahawa pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia adalah penting bagi keseluruhan Malaysia dengan jaminan bahawa kebebasan diberi kepada penganut agama lain.

Dalam soal bahasa rasmi, ahli dari Tanah Melayu mencadangkan supaya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi. Kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi hendaklah dihadkan penggunaannya kepada beberapa tahun yang tertentu.

Ahli suruhanjaya juga berbeza pendapat mengenai tarikh penubuhan Malaysia. Ahli dari Britain mencadangkan supaya masa diperlukan untuk penubuhan Malaysia hendaklah lebih kurang lima tahun, manakala ahli dari Tanah Melayu mencadangkan masa yang diperlukan ialah setahun saja.

Laporan itu dikemukakan kepada Kerajaan Britain dan Persekutuan Tanah Melayu secara rasmi pada Jun 1962. Sebelum itu, Tunku Abdul Rahman mengingatkan Lord Cobbold bahawa sekiranya Kerajaan Tanah Melayu tidak menerima laporan suruhanjaya, maka Britain boleh terus menguasai Singapura, Sabah dan Sarawak.

Pada 1 Ogos 1962, Kerajaan Britain dan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa hampir semua cadangan Suruhanjaya Cobbold diterima dengan sebulat suara. Mereka juga menyatakan persetujuan menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos

1963 bersamaan dengan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sungguhpun gagasan Malaysia mendapat sokongan majoriti penduduk di Sabah dan Sarawak, Filipina dan Indonesia memilih untuk tidak mengiktirafnya. Tindakan terhadap penubuhan Malaysia oleh kedua-dua negara jiran ini semakin lontang selepas berlakunya kebangkitan di Brunei pada Disember 1962.

Bagi mengelak konflik antara Tanah Melayu dengan Filipina dan Indonesia, satu sidang kemuncak diadakan di Manila pada Jun 1963 bagi menyelesaikan pertikaian itu. Mereka bersetuju meminta Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau wakilnya meninjau semula mengenai pandangan rakyat Sabah dan Sarawak terhadap penubuhan Malaysia.

Bagi memberi laluan kepada tinjauan itu, penubuhan Malaysia yang dirancang pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguhkan kerana Setiausaha Agung PBB tidak dapat menyiapkan laporannya sebelum 31 Ogos 1963.

Berikutan dengan pengesahan oleh perwakilan Setiausaha Agung PBB mengenai kemahuan rakyat di Sabah dan Sarawak seperti ditunjukkan menerusi laporan Suruhanjaya Cobbold, pada 16 September 1963, Malaysia diisytiharkan penubuhannya secara rasmi.

Pemilihan penduduk di Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia adalah tepat. Kemerdekaan membawa kemajuan pesat kepada kedua-dua negeri itu dalam semua bidang.

Atas nikmat itu, jasa dan perjuangan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Datu Mustapha, Tun Temenggong Jugah, Tun Ghazali Shafie, Tun Abdul Rahman Yaakob serta pemimpin dan penyokong yang tidak 'bernama' hendaklah dikenang dan disanjung.

Justeru, perjuangan mereka, saki baki jajahan British di wilayah Borneo dapat dihapuskan dan maruah bangsa dapat ditebus semula. Marilah sama-sama kita mendoakan kepada Ilahi agar Malaysia akan terus maju, aman dan makmur sampai bila-bila masa.

Penulis adalah tenaga akademik  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik  
dan Strategi, Fakulti Sains Sosial  
dan Kemanusiaan, UKM